



## **Climbathon Antarabangsa Gunung Kinabalu TM ke-21 25-26 Ogos**



©Sabah Tourism

Perlumbaan ke puncak dan turun semula ini akan menjadi acara yang menarik semasa *Climbathon* Gunung Kinabalu TM ke-21. Perlumbaan gunung tahunan ini telah berkembang menjadi acara sukan terkenal di dunia yang menarik banyak pelari bukit dari seluruh dunia, termasuk Sepanyol, Andorra, UK, Venezuela, Mexico, Jepun, Jerman, Singapura dan Filipina. Ketika pertandingan itu, pelari melengkapkan larian mengikuti denai sejauh 21-km dengan masa menarik 2-4 jam, meliputi Gunung Kinabalu yang setinggi 4,095.5 meter. *Climbathon* ini diiktiraf oleh *Federation of Sport at Altitude* (FSA) sebagai satu daripada perlumbaan rasmi untuk 7 siri Kejohanan *Buff Skyrunning* Dunia FSA dan menawarkan hadiah wang tunai sejumlah US\$33,400.

Pada tahun ini, TM sekali lagi menjadi penaja gelaran rasmi untuk *Climbathon* ini, selepas menaja RM400,000 untuk menjayakan acara ini. Perlumbaan Terbuka Wanita dan Veteran Lelaki berlangsung pada 25 Ogos, diikuti Terbuka Lelaki pada hari berikutnya. Selain menyaksikan perlumbaan, penonton juga boleh mengambil bahagian dalam banyak aktiviti yang dianjurkan oleh TM untuk dinikmati semua, termasuklah pertandingan melukis untuk pelajar.

*Climbathon* kali pertama dimulakan pada tahun 1987 sebagai projek Taman Sabah untuk membentuk satu skuad penyelamat - sepasukan ranjer yang boleh membawa turun pendaki-pendaki dengan cepat (terutama sekali berguna ketika cuaca buruk apabila helikopter penyelamat tidak boleh digunakan). Lembaga Pelancongan Sabah mengambil alih pengelolaan acara ini pada tahun 1995.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Balwant Singh Kler (Pegarah Perlumbaan) atau Zachary Mobijohn (Setiasusaha Penganjur) di talian 088-232121 atau hantarkan e-mel kepada balwant@sabah-tourism.com atau zachary@sabah-tourism.com

## **Taman Hidupan Liar Tabin**

Taman Hidupan Liar Tabin memerlukan sedikit pengenalan. Terletak 50km di timur laut Lahad Datu di Semenanjung Dent, pusat pemuliharaan ini menarik pengunjung dari jauh dan dekat setiap tahun. Seperti namanya, Tabin adalah tempat untuk pelbagai hidupan liar dan terkenal untuk melihat kerana menyimpan gajah Asia, badak sumbu Sumatra yang sukar ditangkap dan tembadau (kerbau liar banteng, *Bos javanius*). Tabin merupakan tempat perlindungan tropika untuk hidupan liar dan terletak sesuai di sebelahnya antaranya ialah ladang luas yang menjadi padang tempat memberikan makanan. Kemuncak kunjungan ke Tabin ialah Safari Malam. Bagaimanapun, usah keliru kerana ia tidak sama dengan kunjungan ke zoo! Tiada jaminan anda boleh melihat haiwan-haiwan ini ketika kunjungan safari malam, tetapi jika anda bernasib baik, anda mungkin bertemu dengan kucing hutan, burung hantu, babi hutan, ular sawa dan yang lebih bertuah lagi jika tersua seekor dua gajah. Pada sebelah petang, segarkanlah diri di Sungai Lipad (ada bahagiannya agak dalam jadi perlu berhati-hati) atau untuk ramuan kecantikan semula jadi, kenapa tidak berendam di dalam Lumpur Volcano Lipad? Ramai yang mengakui keberkesannya malah ada yang membawa pulang berbotol-botol Lumpur tersebut sebagai hadiah kepada rakan-rakan! Jika mengembara menjadi kegemaran anda, Tabin menawarkan laluan-laluan menarik ke dalam hutannya. Satu petua berguna ialah bawa bersama stoking pacat – hutan hujan ini memiliki banyak haiwan 'peramah' ini. Mahu merasakan alam semula jadi sebenar? Tiada tempat yang lebih tepat selain Tabin.

Untuk ke sana:

Penerbangan dari Kota Kinabalu ke Lahad Datu mengambil masa 55 minit. Dari Lahad Datu, mengembara menerusi jalan raya selama sejam ke Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin. Hubungi Intra Travel Services Sdn. Bhd. di talian 088-261558 atau e-mel enquiry@tabinwildlife.com.my. Kunjungi laman web www.tabinwildlife.com.my

*Relax in Ka'andaman Traditional Healing Garden...  
Offers a variety of treatments to help you relax,  
relief stress and revitalise you all!*

*Massage, Body Bath, Body Scrub, Foot Reflexology  
The prices and the choice, are uniquely yours...*

**Hours of Operation**  
Monday to Sunday 1:00 am to 11:00 pm daily

**KA'ANDAMAN TRADITIONAL HEALING GARDEN**  
Wholly Owned by Jelutau Sdn Bhd 450009-M  
Q1 & Hongkong Reservoir (LDC-A), Putrajaya  
Tel: (6 088) 721 008 Fax: (6 088) 724 008  
E-mail: ktgspa@sabah.com.my

**KA'ANDAMAN SPA MAELL**  
Managed by Ka'andaman Traditional Healing Garden  
Maell Water Bungalow (33A-33T), Maell Island  
Tel / Fax: (6 089) 797070  
Email: tbs@kaandamanspa.com.my  
Attn Website: www.kaandamanspa.com.my